

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (PERUMAHAN)

TARIKH: 27 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 61

Fakta  
nombor

10 LOKASI

Ekspo Jualan  
Perumahan - Ke Arah  
Sejuta Impian, Alami  
Gaya Hidup Sejahtera

40,000 UNIT

rumah ditawarkan  
di lokasi pertama  
ekspo di Perak



[FOTO MAHZIR MAT ISA/BH]

Abdul Mutalib (tengah) pada sidang media Ekspo Jualan Perumahan 'Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera' di Kuala Lumpur, semalam.

## EKSPLO JUALAN PERUMAHAN

# 100,000 rumah untuk B40, M40

➔ Bantu golongan sasaran rancang kewangan, miliki kediaman

Oleh Asmah Rusman  
asmah\_rusman@  
nstp.com.my

↳ Subang

Ekspo Jualan Perumahan - Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera, yang bakal memulakan siri jelajah seluruh negara bermula 1 Mac ini, menawarkan lebih 100,000 unit rumah, dengan menyasarkan pembeli berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

Ekspo berkenaan hasil inisiatif Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara,

Perbandanan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad, Perumahan Perjawatan Awam 1Malaysia (PPA1M) dan agensi di bawah kerajaan negeri.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA Malaysia, Datuk Abdul Mutalib Alias, berkata sebanyak 10 lokasi dipilih iaitu Perak, Sabah, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Sarawak, Perlis dan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

### Pusat sehati semak status

"Objektif utama ekspo ini adalah membuka peluang khususnya kepada golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah sendiri dengan membantu mereka merancang kewangan terlebih dahulu.

"Ekspo ini turut disertai institusi perbankan seperti Maybank, CIMB, RHB dan Ambank, selain Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Perbandanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN).

"Ia bertujuan menjadi pusat sehati kepada pengunjung, yang membolehkan mereka membuat semakan terus mengenai status kewangan dan pinjaman sebelum membeli rumah berdasarkan kemampuan kewangan," katanya pada sidang media di pejabat PR1MA Malaysia, semalam.

Beliau berkata, lokasi pertama ekspo adalah di Ipoh Convention Centre, Perak, pada 1 hingga 5 Mac ini bermula jam 10 pagi hingga 10 malam dengan slogan 'Tiada yang tertinggal, tiada yang terpinggir'.

"Ekspo pertama di negeri Perak ini menawarkan 40,000 unit rumah, yang mana 74 peratus daripadanya adalah rumah berharga kurang daripada RM250,000 dan 23 peratus lagi berharga RM250,000 hingga RM300,000.

"Kita juga galakkan pengunjung membawa bersama dokumen yang diperlukan jika mereka beradang membeli rumah bagi memudahkan urusan semakan di kaunter mana-mana bank," katanya.